



**JABATAN KEMAJUAN ISLAM MALAYSIA**

**TEKS KHUTBAH**

**Tajuk:  
Perpaduan Ummah**

**Tarikh Dibaca:**

**28 JAMADILAWAL 1444H/  
23 DISEMBER 2022M**

**Disediakan oleh:**

**Jabatan Kemajuan Islam Malaysia**



**PERPADUAN UMMAH**  
**23 DISEMBER 2022 / 28 JAMADILAWAL 1444H**

الْحَمْدُ لِلّٰهِ الرَّحْمٰنِ الرَّحِيْمِ :

﴿أَعُوذُ بِاللّٰهِ مِنَ الشَّيْطَانِ الرَّجِيمِ﴾

وَكَذَلِكَ جَعَلْنَاكُمْ أُمَّةً وَسَطَا لِتَكُونُوا شُهَدَاءَ عَلَى النَّاسِ وَيَكُونَ الرَّسُولُ عَلَيْكُمْ شَهِيدًا فَقَالَ رَجُلٌ مُؤْمِنٌ لِلّٰهِ وَرَسُولِهِ أَشْهَدَ أَنَّ لَا إِلَهَ إِلَّا اللّٰهُ وَحْدَهُ لَا شَرِيكَ لَهُ، وَأَشْهَدَ أَنَّ مُحَمَّداً عَبْدُهُ وَرَسُولُهُ، اللّٰهُمَّ صَلِّ وَسِلِّمْ عَلَى نَبِيِّنَا مُحَمَّدٍ وَعَلَى آلِهِ وَصَحْبِهِ وَمَنْ دَعَاهُ بِدَعْوَتِهِ إِلَى يَوْمِ الدِّينِ، أَمَّا بَعْدُ، فَإِنَّمَا عِبَادَ اللّٰهِ، اتَّقُوا اللّٰهَ، أُوصِيُّكُمْ وَنَفْسِي بِتَقْوَى اللّٰهِ وَطَاعَتِهِ لَعَلَّكُمْ تُفْلِحُونَ.

#### SIDANG JEMAAH YANG DIRAHMATI ALLAH,

Bertakwalah kepada Allah SWT dengan melaksanakan segala titah perintah-Nya dan meninggalkan segala larangan-Nya. Mudah-mudahan kehidupan kita sentiasa dalam naungan Allah SWT. Khatib mengingatkan para jemaah agar memberi sepenuh perhatian kepada khutbah yang akan disampaikan dan tidak melakukan perkara-perkara yang *lagha* (sia-sia) seperti berbual-bual atau menggunakan telefon. Perkara ini bertepatan dengan peringatan dari Nabi Muhammad SAW yang bersabda:

وَمَنْ لَمْ يَفِي جُمُعَتِهِ تِلْكَ شَيْءٍ

**Maksudnya:** “Dan sesiapa yang melakukan sesuatu yang *lagha*, dia tidak mendapat bahagian daripada Jumaatnya itu”. (**Hadis riwayat Abu Daud**)

Tajuk khutbah pada hari ini ialah: “**Perpaduan Ummah**”.

Sebelum itu, khatib juga ingin mengingatkan sidang jemaah sekalian agar terus *istiqamah* mengimarahkan masjid, surau dan majlis-majlis ilmu, serta saling berpesan antara satu sama lain dalam usaha menyeru melakukan kebaikan dan memberi peringatan dalam mencegah sebarang bentuk kemungkaran. Selain itu, khatib turut ingin mengingatkan kepada sidang jemaah sekalian agar sentiasa bersiap siaga dengan sebarang kemungkinan berlakunya bencana. Sentiasa peka dan cakna terhadap sebarang pengumuman dan amaran yang dikeluarkan dari semasa ke semasa. Segeralah bertaubat memohon keampunan dari Allah SWT dan bermunajat memohon pertolongan daripada-Nya. Mudah-mudahan Allah SWT melindungi dan menjauhkan kita dari sebarang bala bencana.

### **SIDANG JEMAAH YANG DIRAHMATI ALLAH,**

Islam merupakan agama yang menentang segala perkara yang membawa kepada perpecahan. Ini kerana, Islam amat menitikberatkan perpaduan sesama Islam. Umat Islam disifatkan sebagai umat yang satu sebagaimana firman Allah SWT dalam surah al Anbiya ayat 92:

﴿إِنَّ هَذِهِ أُمَّةٌ مُّتَكَبِّرُونَ وَأَنَّا رَبُّكُمْ فَاعْبُدُونِ﴾  
الأنبياء: ٩٢

**Maksudnya:** Sesungguhnya ini adalah umat kamu umat yang satu dan Aku adalah tuhan kamu maka beribadatlah kepadaKu.

Walau kita umat Islam berbeza warna kulit, berbeza bangsa, bahasa, budaya, dan sebagainya, tetapi di dalam masjid yang mulia ini, Allah SWT telah menyatukan kita semua dan sebentar lagi kita akan menunaikan solat jumaat bersama-sama di atas akidah yang satu, perbuatan dan bacaan yang satu, mengadap ke arah kiblat yang satu serta menyembah Tuhan Yang Satu. Sama ada kita sedar atau tidak, Allah SWT menyatukan hati-hati kita tanpa kita melihat kiri dan kanan, siapakah di sebelah kita, apa warna kulit mereka, apa bangsa dan keturunan mereka. Inilah perpaduan yang terbina di atas asas Islam yang dizahirkan melalui saf-saf solat. Sabda Nabi SAW :

لَتُسْوِنَ صُفُوفَكُمْ، أَوْ لِيُخَالِفَنَّ اللَّهُ بَيْنَ وُجُوهِكُمْ

**Maksudnya :** “Hendaklah kamu bersungguh-sungguh meluruskan saf-saf kamu atau Allah sungguh-sungguh akan memperselisihkan di antara wajah-wajah kamu.”

(Riwayat Bukhari dan Muslim)

Di atas dasar kesatuan yang berteraskan pegangan Ahli Sunnah wal Jama'ah, inilah umat Islam bersatu dan tidak berpecah belah. Realitinya umat Islam hari ini kita lihat masih bertelagah dan berbalah bukan sahaja dalam negara bahkan di seluruh dunia.

Antara sebab utama kenapa umat Islam berpecah :

**Pertama**, apabila umat Islam tidak mengikut ajaran al-Quran dan al-Sunnah. Hal ini ada dinyatakan dan ditegaskan oleh Allah SWT dalam surah al-An'am ayat 153 :

﴿وَإِنَّ هَذَا إِصْرَاطٌ مُّسْتَقِيمًا فَاتَّبِعُوهُ وَلَا تَتَّبِعُوا السُّبُلَ فَتَفَرَّقَ بِكُمْ عَنْ سَبِيلِهِ ذَلِكُمْ وَصَنْكُمْ بِهِ﴾  
لَعَلَّكُمْ تَتَّقُونَ ﴿١٥٣﴾ الأنعام:

**Maksudnya:** Sesungguhnya inilah jalanKu (agama Islam) yang lurus. Maka hendaklah kamu menurutnya dan janganlah kamu menurut jalan yang lain daripada Islam kerana jalan yang lain itu akan mencerai-beraikan kamu daripada jalan Allah. Demikian itulah Allah perintahkan kamu supaya kamu bertaqwa.

**Kedua**, yang menjadi sebab berlakunya perpecahan iaitu kerana umat Islam mengambil sebahagian sahaja daripada ajaran agama dan meninggalkan sebahagian yang lain. Inilah yang berlaku kepada golongan ahli kitab terdahulu.

**Ketiga**, ialah kerana sebahagian daripada umat Islam masih berada dalam kejahilan. Kejahilan merupakan salah satu faktor yang akan matijahkan kepada perpecahan kerana ia tidak didasari dengan ilmu.

**Keempat**, tidak menjadikan Rasulullah SAW sebagai pemimpin yang wajib diikuti dan ditaati.

## Sidang Jumaat Yang Dirahmati Allah,

Perpecahan antara orang Islam dilihat begitu ketara sekali. Perbalahan dan pertelingkahan secara terbuka berlaku terutamanya dalam media sosial. Perbalahan ini mencakupi semua aspek sehingga perkara kecil pun dijadikan punca kepada pertelingkahan. Ianya bertambah buruk apabila terdapat segelintir individu yang sanggup mencipta akaun palsu dengan meninggalkan komen melaga-laga, menghentam, mengutuk, menyakitkan hati terhadap orang lain.

Allah SWT telah menegaskan bahawa budaya dan amalan seumpama ini adalah suatu dosa besar.

Firman Allah SWT dalam surah al-Ahzab ayat 58 :

﴿وَالَّذِينَ يُؤْذِنُونَ الْمُؤْمِنِينَ وَالْمُؤْمِنَاتِ بِغَيْرِ مَا أَكْتَسَبُوا فَقَدْ أَحْتَمَلُوا بُهْتَنَّا وَإِثْمًا مُّبِينًا ﴾  
الأحزاب: ٥٨

**Maksudnya :** Dan orang-orang yang mengganggu serta menyakiti orang-orang lelaki yang beriman dan orang-orang perempuan yang beriman dengan perkataan atau perbuatan yang tidak tepat dengan sesuatu kesalahan yang dilakukannya, maka sesungguhnya mereka telah memikul kesalahan menuduh secara dusta, dan berbuat dosa yang amat nyata.

## Sidang Jumaat Yang Dirahmati Allah,

Islam sentiasa menyeru umatnya agar bersikap jujur dan ikhlas serta mempunyai sifat berbaik sangka, tolong-menolong, bersatu-padu, bertolak ansur dan sentiasa bersedia untuk memaafkan antara satu sama lain. Nilai-nilai mulia seperti ini hendaklah dihayati kerana umat Islam diumpamakan seperti anggota tubuh yang saling memerlukan antara sesama anggota badan yang lain. Sabda Rasulullah SAW dalam hadisnya :

عَنْ النَّعْمَانِ بْنِ بَشِيرٍ عَنِ النَّبِيِّ صَلَّى اللَّهُ عَلَيْهِ وَسَلَّمَ أَنَّهُ قَالَ مَثَلُ الْمُؤْمِنِينَ فِي تَوَادِهِمْ وَتَعَاطُفِهِمْ وَتَرَاحُمِهِمْ مَثَلُ الْجَسَدِ إِذَا اشْتَكَى مِنْهُ عُضُوٌ تَدَاعَى سَائِرُ الْجَسَدِ بِالسَّهْرِ وَالْحَمْى

Daripada Nukman bin Basyir RA, daripada Nabi SAW, baginda bersabda: "Perumpamaan kaum Mukmin dalam berkasih sayang dan persaudaraan sesama mereka adalah seperti

satu jasad. Jika salah satu anggota badan sakit, maka seluruh badan akan turut merasa sakit dengan berjaga malam dan demam (turut merasa sakitnya)."

Oleh itu, marilah kita sama-sama mulakan langkah dengan merapatkan saf, bersatu-padu, melupakan segala sengketa dan perselisihan faham walaupun kita berbeza dalam banyak perkara dan berusaha untuk bangkit semula menjadi umat yang kuat, bermaruah dan bermatlamat, demi kepentingan agama, bangsa dan negara kita. Sesungguhnya perpaduan adalah asas kepada keharmonian dan pembangunan sesebuah negara. Sebaliknya, perpecahan, perbalahan dan permusuhan akan membawa kehancuran dan kemasuhan.

﴿ وَأَطِيعُوا اللَّهَ وَرَسُولَهُ وَلَا تَنْزَعُوا فَتَفْشَلُوا وَتَذَهَّبَ رِيحُكُمْ وَأَصْبِرُوا إِنَّ اللَّهَ مَعَكُمْ ﴾  
الأنفال: ٤٦

**Maksudnya :** Dan taatlah kamu kepada Allah dan RasulNya, dan janganlah kamu berbantah-bantahan; kalau tidak nescaya kamu menjadi lemah semangat dan hilang kekuatan kamu, dan sabarlah (menghadapi segala kesukaran dengan cekal hati). Sesungguhnya Allah berserta orang-orang yang sabar.

(Surah al-Anfal ayat 46)

بَارَكَ اللَّهُ لِي وَلَكُمْ بِالْقُرْآنِ الْعَظِيمِ، وَنَفْعَنِي وَإِيَّاكُمْ بِمَا فِيهِ مِنَ الْآيَاتِ وَالذِّكْرِ الْحَكِيمِ،  
وَتَقْبَلَ مِنِي وَمِنْكُمْ تِلَاقُهُ إِنَّهُ هُوَ السَّمِيعُ الْعَلِيمُ. أَقُولُ قَوْلِي هَذَا وَاسْتَغْفِرُ اللَّهَ الْعَظِيمَ لِي  
وَلَكُمْ وَلِسَائِرِ الْمُسْلِمِينَ وَالْمُسْلِمَاتِ وَالْمُؤْمِنِينَ وَالْمُؤْمِنَاتِ الْأَحْيَاءُ مِنْهُمْ وَالْأَمْوَاتِ،  
فَاسْتَغْفِرُوهُ إِنَّهُ هُوَ الْغَفُورُ الرَّحِيمُ.

## KHUTBAH KEDUA

الْحَمْدُ لِلَّهِ رَبِّ الْعَالَمِينَ، وَالصَّلَاةُ وَالسَّلَامُ عَلَى سَيِّدِنَا مُحَمَّدِنَّبِيِّ الْأَمِينِ، وَعَلَى آلِهِ وَاصْحَابِهِ الطَّاهِرِينَ وَمَن تَبَعَهُم بِإِحْسَانٍ إِلَى يَوْمِ الدِّينِ .  
اَشْهَدُ اَن لَّا إِلَهَ اِلَّا اللَّهُ وَحْدَهُ لَا شَرِيكَ لَهُ، وَاشْهَدُ اَن سَيِّدَنَا مُحَمَّدًا عَبْدُهُ وَرَسُولُهُ .  
اَمَّا بَعْدُ، فَيَا عِبَادَ اللَّهِ، اِتُّقُوا اللَّهَ اُوْصِيْكُمْ وَنَفْسِيْ بِتَقْوَى اللَّهِ وَطَاعَتِهِ فَقَدْ فَازَ الْمُتَّقُونَ .

### **SIDANG JEMAAH YANG DIKASIHI SEKALIAN,**

Bertakwalah kepada Allah SWT dengan sebenar-benar takwa supaya kita mendapat keredhaan-Nya. Khatib juga ingin menyeru kepada seluruh umat Islam di negara ini supaya kekal bersatu padu atas dasar Islam. Sesungguhnya persaudaraan Islam itu sangat mahal harganya dan sentiasa menjadi sasaran para musuh Islam untuk menghancurkannya. Hentikanlah segala percakaran dan tinggalkanlah segala perselisihan kerana ia hanya merugikan agama, bangsa dan negara. Walau apa jua perbezaan yang ada, Islam menuntut kepada kesatuan ummah dan bukan alasan untuk saling bermusuhan.

Pada hari yang mulia ini juga, marilah kita memperbanyak berselawat ke atas kekasih kita, Nabi Muhammad SAW sebagaimana perintah Allah SWT dalam Surah al-Ahzab ayat 56:

إِنَّ اللَّهَ وَمَلِكَتَهُ وَيُصَلِّوْنَ عَلَى النَّبِيِّ يَأْيُّهَا الَّذِينَ ءَامَنُوا صَلَوْا عَلَيْهِ وَسَلِّمُوا تَسْلِيمًا

٥٦

اللَّهُمَّ صَلِّ عَلَى سَيِّدِنَا مُحَمَّدٍ وَعَلَى آلِ سَيِّدِنَا مُحَمَّدٍ كَمَا صَلَيْتَ عَلَى سَيِّدِنَا إِبْرَاهِيمَ وَعَلَى آلِ سَيِّدِنَا إِبْرَاهِيمَ وَبَارِكْ عَلَى سَيِّدِنَا مُحَمَّدٍ وَعَلَى آلِ سَيِّدِنَا مُحَمَّدٍ كَمَا بَارَكْتَ عَلَى سَيِّدِنَا إِبْرَاهِيمَ وَعَلَى آلِ سَيِّدِنَا إِبْرَاهِيمَ فِي الْعَالَمِينَ إِنَّكَ حَمِيدٌ مَجِيدٌ .  
وَارْضُ اللَّهُمَّ عَنِ الْخَلْفَاءِ الرَّاشِدِينَ وَعَنِ بَقِيَّةِ الصَّحَابَةِ أَجْمَعِينَ، وَعَنِ التَّابِعِينَ وَتَابِعِيِّ التَّابِعِينَ وَمَن تَبَعَهُم بِإِحْسَانٍ إِلَى يَوْمِ الدِّينِ وَارْضُ عَنَّا مَعَهُمْ يَا أَكْرَمَ الْأَكْرَمِينَ .  
اللَّهُمَّ اغْفِرْ لِلْمُسْلِمِينَ وَالْمُسْلِمَاتِ وَالْمُؤْمِنِينَ وَالْمُؤْمِنَاتِ الْأَحْيَاءِ مِنْهُمْ وَالْأَمْوَاتِ .

اللَّهُمَّ أَيْدِي بِدَوَامَ التَّوْفِيقِ وَالْهِدَايَا وَالصِّحَّةِ وَالسَّلَامَةَ جَلَالَةَ مَلَكَنَا كَبَاوَهْ دُولِي يَعْ مَهَا  
مُولِيَا سَرِيْ قَدْوَكْ بَكِينِدا يَعْ دَفْرَتوَانَ اَكْنُوْغْ، السُّلْطَانَ عَبْدَ اللَّهِ رِعَايَةُ الدِّينِ الْمُصْطَفَى  
بِاللَّهِ شَاهَ اَبْنَ الْمَرْحُومِ سُلْطَانَ حَاجَ اَحْمَدَ شَاهَ الْمُسْتَعِينَ بِاللَّهِ.

وَكَذِلِكَ كَبَاوَهْ دُولِي يَعْ مَهَا مُولِيَا سَرِيْ قَدْوَكْ بَكِينِدا رَاجِ فَرْمَايِسُورِيْ اَكْنُوْغْ، تُونِكُو  
حَاجَهُ عَزِيزَهُ اَمِينَهُ مِيمُونَهُ إِسْكَنْدَرِيهُ بَنْتَ الْمَرْحُومِ الْمُتَوَكِّلِ عَلَى اللَّهِ سُلْطَانَ إِسْكَنْدَرِ  
الْحَاجِ.

اللَّهُمَّ احْفَظْ عُلَمَاءَهُ وَوُزَرَاءَهُ وَقُضَاتَهُ وَعَمَالَهُ وَرِعَايَاهُ مِنَ الْمُؤْمِنِينَ وَالْمُؤْمِنَاتِ بِرَحْمَتِكَ يَا  
أَرْحَمَ الرَّاحِمِينَ.

اللَّهُمَّ اجْعَلْ بَلَدَنَا مَالِيْزِيَا آمِنَاً مُطْمَئِنًا، سَخَاءَ رَخَاءَ، دَارَ عَدْلٍ وَإِيمَانٍ، وَآمِنٍ وَآمَانٍ،  
وَسَائِرَ بِلَادِ الْمُسْلِمِينَ.

اللَّهُمَّ اعْرِّ الْإِسْلَامَ وَالْمُسْلِمِينَ، وَدَمِرْ أَعْدَاءَكَ أَعْدَاءَ الدِّينِ وَانْصُرْ مِنْ نَصَرَ الدِّينَ،  
وَاخْذُلْ مِنْ خَذَلَ الْمُسْلِمِينَ، وَاعْلِ كَلْمَتَكَ إِلَى يَوْمِ الدِّينِ.

اللَّهُمَّ ادْفِعْ عَنَا الْبَلَاءَ وَالْغَلَاءَ وَالْوَبَاءَ وَالْفَحْشَاءَ وَالْمُنْكَرَ وَالْمَحْنَ وَالْفَتْنَ، مَا ظَهَرَ مِنْهَا وَمَا  
بَطَنَ، مِنْ بَلَدِنَا هَذَا خَاصَّةَ، وَمِنْ بَلَدَنَ الْمُسْلِمِينَ عَامَّةَ، إِنَّكَ عَلَى كُلِّ شَيْءٍ قَدِيرٌ. اللَّهُمَّ  
إِنَّا نَعُوذُ بِكَ مِنَ الْبَرَصِ، وَالْجُنُونِ، وَالْجُذُامَ، وَمِنْ سَيِّئِ الْأَسْقَامِ، يَا أَرْحَمَ الرَّاحِمِينَ.

Ya Allah! Dengan sifat-Mu Yang Maha Pemurah dan Maha Mendengar! Engkaulah yang Maha Berkuasa atas tiap-tiap sesuatu. Kami hamba-Mu yang lemah, merayu agar Engkau ampunkan segala dosa yang telah kami lakukan. Ya Allah! Cukupkanlah kami dengan rezeki yang halal dan jauhkanlah kami dari rezeki yang haram. Cukupkanlah kami dengan kurniaan-Mu dari bergantung kepada selain-Mu. Hindarkanlah kami dari sebarang fitnah, bala bencana, waba' penyakit, perbuatan-perbuatan keji dan munkar, seperti rasuah, salah guna kuasa dan hiburan yang melalaikan. Hanya kepada-Mu juga Ya Allah, tempat kami mengadu dan memohon pertolongan.

Ya Allah! Satukanlah kami atas agama-Mu dan hindarkan kami dari perselisihan serta perpecahan yang berpanjangan. Ya Allah! Tunjukkanlah kebenaran itu sebagai kebenaran, dan kurniakanlah kami kekuatan untuk mengikutinya (memperjuangkannya), dan tunjukkanlah yang batil itu sebagai batil dan kurniakanlah kami kekuatan untuk menjauhinya serta menghapuskannya. Jangan jadikan yang benar dan batil itu samar-samar bagi kami, yang akan menyebabkan kami sesat. Dan jadikanlah kami pemimpin bagi orang-orang yang

bertakwa. Jadikanlah kami dan keturunan kami orang-orang yang *istiqamah* mendirikan solat secara berjemaah serta tekun mengimarahkan masjid. Sesungguhnya hanya kepada-Mu jua Ya Allah, doa kami mohon diperkenan dan diterima.

رَبَّنَا آتَنَا فِي الدُّنْيَا حَسَنَةً وَفِي الْآخِرَةِ حَسَنَةٌ وَقِنَا عَذَابَ النَّارِ.  
عِبَادَ اللَّهِ،  
إِنَّ اللَّهَ يَأْمُرُ بِالْعَدْلِ وَالْإِحْسَنِ وَإِيتَاءِ ذِي الْقُرْبَىٰ وَيَنْهَا عَنِ الْفَحْشَاءِ وَالْمُنْكَرِ وَالْبَغْيِ  
يَعِظُّكُمْ لَعَلَّكُمْ تَذَكَّرُونَ۔  
فَاذْكُرُوا اللَّهَ الْعَظِيمَ يَذْكُرُكُمْ، وَاشْكُرُوهُ عَلَى نِعَمِهِ يَزِدُّكُمْ، وَاسْأَلُوهُ مِنْ فَضْلِهِ يُعْطِكُمْ وَلَذِكْرُ  
اللَّهِ أَكْبَرُ، وَاللَّهُ يَعْلَمُ مَا تَصْنَعُونَ۔